

20/03/2003

Teruskan Kempen bencikan peperangan

BERITA paling hangat kini ialah isu serangan Amerika Syarikat serta sekutunya ke atas Iraq. Boleh dikatakan semua media massa, sama ada media

cetak atau elektronik memaparkan pelbagai berita terkini berhubung tindakan ketenteraan ke atas bumi Iraq.

Pada masa sama, ratusan ribu penduduk dunia meneruskan bantahan mereka terhadap serangan berkenaan. Seperti yang pernah disiarkan di muka hadapan

akhbar ini, rakyat Malaysia termasuk pelajar turut menyuarakan bantahan, sebaliknya menyeru kepada keamanan.

Seperti yang disuarakan oleh pemimpin di negara ini, peperangan bukan jalan penyelesaian sesuatu konflik. Malahan ia mendatangkan lebih banyak keburukan dan kemudaratan. Orang tua, wanita serta kanak-kanak yang tidak

berdosa bakal menjadi mangsa korban paling banyak.

Bertanyalah kepada datuk, nenek atau ibu bapa. Terlalu banyak pengalaman

pahit ketika negara kita terseret dalam kancang peperangan Dunia Kedua. Hidup sentiasa dihantui ketakutan. Rakyat juga kekurangan makanan, kekurangan ubat-ubatan menyebabkan penyakit merebak, alam sekitar serta udara tercemar memburukkan lagi keadaan.

Demikianlah peritnya kesan peperangan. Dalam apa juga keadaan, kita perlu terus berkempen bencikan peperangan, malah haramkan apa juga bentuk

kekerasan ke atas negara lain seperti mana yang disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.